

TINJAUAN TERHADAP TAHAP PENYELIAAN GURU PEMBIMBING TERHADAP GURU PELATIH SEMASA MENJALANI LATIHAN MENGAJAR

Meor Ibrahim bin Kamaruddin & Norziana binti Anuar

Fakulti Pendidikan,
Universiti Teknologi Malaysia.

ABSTRAK : Semasa menjalani latihan mengajar, bimbingan daripada guru pembimbing amat penting untuk melahirkan guru yang cemerlang. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap penyeliaan guru pembimbing terhadap guru pelatih. Tiga aspek penyeliaan di lihat: perancangan pengajaran, kaedah pengajaran dan profesionalisme. Kajian ini berbentuk deskriptif di mana data dikumpulkan melalui satu tinjauan. Sampel terdiri daripada 92 orang pelajar kursus Pendidikan Sains yang telah menjalani latihan mengajar sesi 2007/2008. Set soal selidik (kebolehpercayaan, $\alpha=0.9692$) telah digunakan dalam kajian ini. Hasil dapatan menunjukkan tahap penyeliaan guru pembimbing adalah tinggi dalam aspek perancangan pengajaran (min 3.53) dan profesionalisme (min 3.52). Manakala bagi aspek kaedah pengajaran, tahap penyeliaan guru pembimbing adalah sederhana (min 3.49). Beberapa cadangan dikemukakan pada akhir laporan.

ABSTRACT : In a teaching practicum, the guidance from the guiding teachers is important to produce excellent teachers. The objective of this study is to determine the supervision level of guiding teachers as perceived by trainee teachers. Three aspects of supervision level were looked into: the instructional planning, the teaching methods and the professionalisme. This is a descriptive study in which the data collected were obtained through a survey. The sample consists of 92 the Science Education students who had undergone teaching practicum in the 2007/2008 session. Questionnaire (reliability, $\alpha=0.9692$) was used in this study. The results showed that the supervision levels were high for instructional planning aspect (mean 3.53) and professionalism aspect (mean 3.52). In the teaching methods aspect, the levels were moderate (mean 3.49). Several suggestions were given at the end of the report.

Katakunci : *bimbingan, Science Education.*

PENGENALAN

Aspek pendidikan merupakan suatu aspek yang amat penting di mana ia perlu diberi perhatian oleh semua pihak. Sejajar dengan itu, guru memainkan peranan yang penting untuk melahirkan masyarakat yang inovatif, kreatif dan berfikiran kritis ini. Oleh itu, bakal-bakal guru perlu melengkapkan diri secukupnya untuk menghadapi cabaran dan tanggungjawab yang akan dipikul kelak sebagai seorang pendidik yang sebenar.

Guru pembimbing akan membuat pencerapan ke atas guru pelatih sekurang-kurangnya lima kali dalam tempoh masa sesi latihan mengajar. Lazimnya proses penyeliaan bermula dengan perbincangan dengan guru pelatih tentang rancangan pengajaran yang bakal dilaksanakan, diikuti dengan penilaian pengajaran dalam bilik darjah dan diakhiri dengan perbincangan tentang pengajaran yang telah dilaksanakan. Guru pembimbing akan menilai guru pelatih dari segi persediaan, penyampaian, keperibadian dan ikhtisas. Aspek yang dinilai ini haruslah diseliasa secara berhati-hati dan teliti.

Pelbagai teknik dan kaedah pengajaran yang digunakan dalam menyampaikan pengajaran yang berkesan kepada pelajar yang mana telah dipelajari oleh setiap guru pelatih sebelum menempuhi alam pengajaran. Walau bagaimanapun guru pelatih perlu menyesuaikan teknik dan kaedah yang telah dipelajari dengan tepat dan sesuai dengan pengajaran yang ingin diajar supaya pengajaran dapat disampaikan dengan berkesan dan menarik perhatian guru pembimbing semasa proses penyeliaan.

Program latihan mengajar dapat melatih guru pelatih mengenai profesion keguruan yang sebenar dan seterusnya menerapkan sikap profesional di kalangan guru pelatih dengan bimbingan daripada guru pembimbing. Melalui bimbingan yang diterima daripada guru pembimbing yang terlatih dalam bidang pendidikan ini, guru pelatih akan melaksanakan tugas dengan cekap dan mengikut etika yang telah ditentukan. Dengan itu guru pelatih akan sentiasa berfikir mencari jalan untuk memperbaiki pelaksanaan tugas yang telah diamanahkan. Seterusnya menjadikan guru pelatih mempunyai sifat profesional yang tinggi dan berkualiti.

Oleh itu, hubungan antara guru pelatih dengan guru pembimbing amat penting. Ini kerana latihan mengajar merupakan pengalaman pertama kali guru pelatih untuk mengajar. Oleh yang demikian bimbingan yang berterusan dalam penyeliaan amat penting untuk menentukan pencapaian seseorang guru pelatih.

PERNYATAAN MASALAH

Semasa menjalani latihan mengajar, bimbingan yang berterusan dan berkesan daripada guru pembimbing kepada guru pelatih amat penting untuk melahirkan guru yang cemerlang kelak. Tetapi terdapat sesetengah guru pelatih yang kurang mendapat bimbingan yang secukupnya daripada guru pembimbing. Oleh sebab itu suatu kajian yang menyeluruh untuk mengenalpasti tahap penyeliaan guru pembimbing terhadap guru pelatih wajar dilaksanakan.

OBJEKTIF KAJIAN

- i. Menenalpasti tahap penyeliaan guru pembimbing terhadap guru pelatih dari aspek membuat perancangan pengajaran.
- ii. Menenalpasti tahap penyeliaan guru pembimbing terhadap guru pelatih dari aspek kaedah pengajaran.
- iii. Menenalpasti tahap penyeliaan guru pembimbing dari aspek profesionalisme.

KEPENTINGAN KAJIAN

- i. Untuk menilai tahap penyeliaan guru pembimbing terhadap guru pelatih dari aspek membuat perancangan pengajaran, kaedah pengajaran dan profesionalisme.
- ii. Untuk meningkatkan lagi kualiti bimbingan dari guru pembimbing supaya dapat melahirkan guru yang berkualiti.
- iii. Untuk memberi panduan kepada bakal-bakal guru pelatih semasa menjalani latihan mengajar kelak

BATASAN KAJIAN

Kajian ini hanya dapat mengenalpasti tahap penyeliaan guru pembimbing terhadap guru pelatih dari aspek membuat perancangan pengajaran, kaedah mengajar dan profesionalisme. Kajian ini terbatas kepada pelajar-pelajar tahun empat pengkhususan pendidikan sains yang telah menjalani latihan mengajar pada sesi 2007/2008. Item-item yang digunakan hanya dapat mengenalpasti tahap penyeliaan guru pembimbing terhadap guru pelatih dalam membuat perancangan pengajaran, kaedah pengajaran dan profesionalisme. Data yang diperolehi hanya berasaskan tindakbalas responden-responden terhadap soal selidik yang diedarkan. Keputusan yang diperolehi adalah berdasarkan pengalaman responden semasa latihan mengajar.

METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini dijalankan dalam bentuk penyelidikan deskriptif dengan cara tinjauan mengenai tahap penyeliaan guru pembimbing terhadap guru pelatih semasa menjalani latihan mengajar.

Reka bentuk kajian ini dipilih kerana ia merupakan kajian yang memerlukan penjelasan dan penerangan kepada sesuatu keadaan, fenomena atau masalah yang berlaku. Di dalam kajian ini, tahap penyeliaan guru pembimbing terhadap guru pelatih pengkhususan pendidikan sains semasa menjalani latihan mengajar cuba dikenalpasti yang menyentuh mengenai tiga aspek iaitu perancangan pengajaran, kaedah pengajaran dan sikap profesionalisme.

Set soal selidik ini terbahagi kepada Bahagian A dan Bahagian B. Bahagian A terdiri dari empat soalan yang menyentuh mengenai latar belakang responden. Latar belakang yang disentuh adalah mengenai kursus yang diambil, jantina, gred yang diperolehi semasa latihan mengajar dan sekolah semasa menjalani latihan mengajar. Responden diminta untuk memilih jawapan mengenai diri responden sendiri.

Bahagian B pula terdiri daripada tiga bahagian iaitu mengkaji tahap penyeliaan guru pembimbing terhadap guru pelatih dari aspek perancangan pengajaran, kaedah pengajaran dan sikap profesionalisme.

Sampel Kajian

Dalam sesuatu kajian, populasi yang dipilih menentukan bidang masalah yang perlu dikaji dan masalah tersebut hendaklah wujud dalam populasi dan mempunyai satu ciri dan sampel yang sama dengan yang lain (Mohd Majid, 1990). Menurut Azizi *et al.* (2007), populasi adalah satu set lengkap semua kumpulan yang memenuhi spesifikasi.

Populasi yang digunakan dalam kajian ini adalah terdiri daripada pelajar-pelajar yang telah menjalani latihan mengajar pada sesi 2007/2008 yang mana pelajar pengkhususan pendidikan sains iaitu kursus SPC, SPF, SPK, SPN dan SPP iaitu seramai 120 pelajar seperti ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1 : Taburan polulasi pelajar-pelajar kursus Pendidikan Sains yangtelah menjalani latihan mengajar sesi 2007/2008

| Bil. | Kursus | Bilangan pelajar |
|------|---------------|------------------|
| 1 | SPC | 26 |
| 2 | SPF | 20 |
| 3 | SPK | 24 |
| 4 | SPN | 28 |
| 5 | SPP | 22 |
| 6 | Jumlah | 120 |

Instrumen Kajian

Soal selidik yang digunakan adalah untuk mendapatkan maklumat berkenaan fakta-fakta, kepercayaan, perasaan, kehendak dan sebagainya (Mohd. Majid, 1990). Menurut Azizi *et al.* (2007), soal selidik yang dilakukan dengan betul dan berhati-hati akan meningkatkan jumlah maklum balas, memudahkan kesimpulan dan analisis data terkumpul. Soal selidik yang dibina dalam kajian ini mempunyai dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Bahagian A mengenai maklumat guru pelatih manakala Bahagian B mengenai aspek-aspek penyeliaan guru pembimbing terhadap guru pelatih.

Kajian Rintis

Sebanyak 10 orang pelajar tahun empat pengkhususan pendidikan sains telah dipilih sebagai kajian rintis yang mana terdiri daripada pelajar yang telah menjalani latihan mengajar semasa tahun tiga pengajian pada sesi 2007/2008. Hasil kajian rintis menunjukkan responden memahami setiap soalan yang ditanya. Kemudian sampel dipilih secara rawak bagi setiap kursus pendidikan sains bagi meneruskan kajian soal selidik yang sebenar.

Data yang diperolehi telah dianalisis dengan menggunakan Perisian SPSS Windows Versi 10.0 untuk menguji ketekalan dalam soal selidik dengan menggunakan pekali alpha cronbach. Nilai alpha cronbach yang diperolehi adalah 0.9692. Ini menunjukkan item-item di dalam set soal selidik mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi.

ANALISIS DATA

Jadual 2 menunjukkan purata keseluruhan min dari tiga aspek berdasarkan persoalan kajian. Didapati tahap penyeliaan guru pembimbing terhadap guru pelatih dari aspek perancangan pengajaran berada pada tahap tinggi (min 3.53) dan juga dari aspek profesionalisme berada pada tahap yang tinggi juga (min 3.52). Manakala tahap penyeliaan dari aspek kaedah pengajaran berada pada tahap sederhana (min 3.49). Dari hasil dapatan kajian ini, tidak hairanlah kebanyakan dari guru pelatih memperoleh gred A- dan A semasa latihan mengajar menunjukkan tahap pencapaian yang cemerlang guru pelatih semasa latihan mengajar.

Jadual 2 : Taburan peratusan dan min keseluruhan mengikut persoalan.

| Persoalan | Min |
|--|------|
| 1. Apakah tahap penyeliaan guru pembimbing terhadap guru pelatih dari aspek membuat perancangan pengajaran? | 3.53 |
| 2. Apakah tahap penyeliaan guru pembimbing terhadap guru pelatih dari aspek kaedah pengajaran yang berkesan? | 3.49 |
| 3. Apakah tahap penyeliaan guru pembimbing dari aspek profesionalisme? | 3.52 |

RUMUSAN

Berdasarkan hasil dapatan yang diperolehi, dapat dirumuskan bahawa tahap penyeliaan guru pembimbing terhadap guru pelatih berada pada tahap yang memuaskan. Di dalam kajian ini, tiga aspek penyeliaan telah dikaji iaitu persediaan pengajaran, kaedah pengajaran dan profesionalisme.

Aspek pertama mengkaji mengenai tahap penyeliaan guru pembimbing dari aspek perancangan pengajaran. Hasil dapatan mendapati tahap penyeliaan guru pembimbing dari aspek perancangan pengajaran berada pada tahap yang tinggi. Hasil dapatan yang sama juga di perolehi dari aspek profesionalisme yang mendapati tahap penyeliaan guru pembimbing berada pada tahap yang tinggi. Tetapi dari aspek kaedah pengajaran, didapati tahap penyeliaan guru pembimbing berada pada tahap yang sederhana.

Di sini dapat dirumuskan bahawa penyeliaan guru pembimbing berada pada tahap memuaskan keseluruhannya. Hasil dapatan yang diperolehi ini menjawab segala persoalan di dalam kajian ini dan mencapai objektif kajian dalam mengenalpasti tahap penyeliaan guru pembimbing terhadap guru pelatih. Walau bagaimanapun dari aspek kaedah pengajaran berada pada tahap sederhana berbanding aspek persediaan pengajaran dan profesionalisme.

RUJUKAN

Aziz Nordin, Zaleha Ismail Dan Zulkifli Mohamed (1989). *Garis Panduan Penyeliaan Untuk Menilai Kursus Sarjana Muda Pendidikan Sains Dan Komputer*. Bengkel Maklum Balas

- Latihan Mengajar (Pertama). September 27-28. Jabatan Pendidikan Sains Dan Teknik Fakulti Sains, Universiti Teknologi Malaysia.1-16
- Azizi Yahaya Dan Junaidah Mohamad Hasan (2006). *Pelaksanaan Kurikulum Kimia KBSM Di Kalangan Guru-Guru Pelatih Jurusan Kimia Di UTM*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia. Ketas Kerja.
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon, Abdul Rahim Hamdan (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Pts Professional Publishing Sdn Bhd.
- Cadangan Modul Latihan IPTA,BPG, Jawatankuasa Penyelarasan Pendidikan Guru (2006). *Kesediaan Profesionalisme Guru Novis*. Fakulti Pendidikan,Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Esah Sulaiman (2003). *Asas Pedagogi: Modul Pengajaran*. Jabatan Asas Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Fakulti Pendidikan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Dan Bahagian Pendidikan Guru (BPG) (2005). *Penilaian Latihan Mengajar Dalam Program Pendidikan Guru Malaysia*. Jawatankuasa Penyelarasan Pendidikan Guru (JPPG) Malaysia. Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia.
- Hazel, H,Katherine, B Dan Donald (1995). *The School Mentor Handbook*. Kogan Page Limited ,London.
- Huling ,Leslie, Resta Dan Virginia (2001). *Teacher Mentoring As Professional Development*. Eric Digest.
- Isahak Haron Dan Koh, Boh Boon (1982). *Asas-Asas Dalam Amalan Pedagogi*. Utusan Publication And Distributions Sdn Bhd.
- Ismail Kailani (1989). *Latihan Mengajar: Di Mana Kita Sekarang Dan Di Mana Seharusnya Kita Berada*. Bengkel Maklum Balas Latihan Mengajar (Pertama). September 27-28. Jabatan Pendidikan Sains Dan Teknik Fakulti Sains, Universiti Teknologi Malaysia.1-10
- Khairuddin Hj Zakaria (1997). *Tahap Bimbingan Guru Pembimbing, PensyarahPenyelia Dan Pengurusan Sekolah Ke Atas Guru Pelatih Praktikum II*. Jurnal Wacana Pendidikan. Maktab Perguruan Pasir Panjang.198-212
- Marguerite, G. Lodico, Dean, T. Spaulding, Katherine, H. Voegtle (2006). *Methods In Educational Research*. Jossey-Bass,John Willey & Sons, Inc.
- Md.Sood Mohd (1988). *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Perlakuan Dan Pencapaian Guru Pelatih Dalam Latihan Mengajar Peringkat Akhir Di Sebuah Maktab Perguruan Di Malaysia*. Universiti Malaya : Tesis Sarjana.
- Mohd Majid Konting (1990). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mohd Zolkifli Abd Hamid, Muhammad Rashid Rajuddin Dan Megat Aman Zahiri (2007). *Harapan Dan Keresahan Bakal Guru Pelatih Dalam Praktikum Latihan Mengajar*. Seminar Penyelidikan Pendidikan Institusi Perguruan Batu Lintang. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.